

## **Membina Kuasa Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Sejarah menunjukkan bahawa kejayaan sesuatu ketamadunan adalah berkait rapat dengan kekuatan ekonomi mereka. Malah kekuatan ekonomi menjadi prasyarat untuk membina sesuatu tamadun. Dalam pada itu, kelemahan kuasa ekonomi pula mampu merobohkan sesuatu ketamadunan. “*Alexander the great*” tidak akan mampu membina sebuah bala tentera yang kuat sehingga mampu menewaskan bala tentera Parsi, yang juga tidak kurang handal, tanpa kekuatan ekonomi.

Malahan kejayaan kuasa penjajah barat di zaman penjajahan adalah dibantu oleh ideologi ekonomi mercantalisma. Mengikut fahaman mercantalisma, kerajaan perlu mengkayakan negara dengan menguasai sumber-sumber ekonomi dunia. Untuk merealisasikan hasrat ini, kerajaan membina dan membantu pedagang-pedagang (merchant) untuk menjadi besar dan kuat. Para pedagang mempunyai kapal-kapal yang besar dan mereka belayar keseluruh pelusuk dunia untuk menjajah dan mengaut sumber-sumber ekonomi kerana sumber di negara mereka terhad. Kerajaan-kerajaan penjajah barat menjadi kaya dan kuat serta berjaya menakluki dunia hasil dari kerjasama dengan pedagang-pedagang ini. Manakala kerajaan pula menumpukan kepada pembinaan bala tentera yang kuat untuk membantu proses penaklukan tersebut. Sebagai contoh, kuasa Inggeris menjajah Tanah Melayu melalui Syarikat India Timur.

Jelasnya, sejarah menunjukkan kepentingan membina sebuah ekonomi yang kuat dan mampan untuk mencipta dan mengekalkan suatu ketamadunan. Persoalannya, bagaimanakah membina sebuah ekonomi yang kuat? Ini adalah soal pengurusan

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

makroekonomi. Dalam konteks makroekonomi, sesebuah ekonomi wujud dengan adanya permintaan agregat dan penawaran agregat. Permintaan agregat terdiri dari himpunan permintaan dari setiap unit di dalam ekonomi. Manakala penawaran agregat merupakan himpunan dari penawaran individu-individu.

Untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, kedua-dua permintaan dan penawaran agregat perlu diuruskan. Pengurusan permintaan agregat lazimnya melibatkan dasar fiskal dan kewangan. Pengurusan ini adalah lebih tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi jangka pendek. Contohnya, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang positif, permintaan agregat perlu ditingkatkan. Ini boleh dilakukan umpamanya dengan menggunakan perkembangan dasar fiskal. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi dengan semata-mata menumpukan kepada perkembangan permintaan agregat adalah tidak mampan. Ianya ibarat mengisi angin kedalam belon tanpa membesarkan belonnya. Akhirnya belon akan pecah. Oleh itu, penawaran agregat juga perlu ditingkatkan.

Apakah rahsia kejayaan kuasa besar ekonomi memperkuat ekonomi mereka yang perlu kita pelajari dan contohi? Ianya tidak lain dari pertumbuhan penawaran agregat selari dengan pertumbuhan permintaan agregat. Ini adalah menjurus kepada pertumbuhan jangka panjang yang lebih berkekalan berbanding dengan penekanan kepada pertumbuhan permintaan agregat yang lebih bersifat sementara.

Pertumbuhan penawaran agregat, secara umumnya, adalah melalui pengumpulan modal. Melalui pengumpulan modal, sesebuah ekonomi mempunyai keupayaan untuk membuat pengeluaran sekali gus menyediakan peluang pekerjaan. Pengumpulan modal termasuk pembinaan infrastruktur, peningkatan teknologi dan yang paling penting adalah pertumbuhan modal insan. Pertumbuhan modal insan pula hanya dapat dicapai dengan ilmu pengetahuan. Masyarakat yang berilmu adalah prasyarat untuk membina suatu kuasa ekonomi yang kukuh dan mampan.

Sesebuah negara boleh mempunyai infrastruktur yang hebat dan memiliki teknologi yang tinggi, mungkin dengan cara membeli dari orang lain, namun tanpa pekerja mahir dan masyarakat yang berilmu tidak akan memberi manfaat yang bererti kepada negara. Jika diimbau kembali, tanpa mengira ideologi ekonomi dan di zaman mana sekali pun,

masyarakat yang berilmu adalah kunci kejayaan sesebuah ekonomi. Tanpa ilmu, tamadun Mesir purba tidak mungkin wujud. Tentera Alexander tidak akan mampu menakluki dunia dan dalam konteks sejarah moden, kuasa kolonial tidak kemana.

Persoalannya apa yang perlu dilakukan? Dalam konteks sebuah negara, pembinaan modal insan mampu dicapai dengan memperkasakan sistem pelajaran atau pendidikan. Sistem pelajaran mestilah mampu membentuk modal insan yang bukan sahaja mempunyai ilmu yang tinggi, tetapi mestilah relevan dan mampu bersaing diperingkat antarabangsa. Sistem pelajaran mestilah berpandangan hadapan dan melepasi kayu ukur antarabangsa, bukan berpandangan kedalam. Bermakna kita perlu membina individu yang berilmu tanpa sempadan.

Menurut satu kajian oleh Thurow (1992), seorang cendekiawan Amerika, Jepun telah mengekalkan kelebihan berbanding di peringkat global sambil memintas Amerika Syarikat (dari segi kelebihan berbanding) semasa dekad 1970an dan 1980an melalui pemerksaan modal insan. Sistem pendidikannya mampu menyediakan modal insan untuk menyumbang terhadap pembangunan teknologi produk dan teknologi proses serta mampu menyesuaikan diri di dalam organisasi berprestasi tinggi. Kesannya, telah timbul usaha di Amerika Syarikat untuk melihat semula keberkesanan sistem peperiksaan menilai pencapaian hasil pembelajaran di institusi-institusi pendidikan tinggi.

*National Institute for Learning Outcomes Assessment* berpangkalan di Amerika Syarikat, milik *Lumina Foundation*, telah mengambil langkah positif dengan memperkenalkan profil kelayakan ijazah (*degree qualifications profile* - DQF). DQF memberi penumpuan terhadap proses pembelajaran yang berpaksikan kecekapan pelajar. Ini bermakna, setiap pelajar yang memperolehi ijazah tertentu mestilah mampu melakukan tugas sekurang-kurangnya seperti yang tersurat di dalam hasil pembelajaran. Namun demikian, institusi pengajian yang cemerlang mestilah mampu mencipta dan menerapkan hasil pembelajaran yang unik tidak dimiliki oleh institusi lain. Modal insan yang bakal dibentuk pula mempunyai kelebihan berbanding tidak dimiliki oleh orang lain. Inilah cabaran yang perlu direbut oleh kita untuk mencipta satu

ketamadunan yang tinggi, sekali gus memastikan penguasaan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi.